

Pembahagian projek pembangunan ECER adil - Idris

SINAR 30.10.2007 MS 3

KOTA BHARU - Penduduk di kawasan Pantai Timur tidak perlu mempersoalkan berkaitan pengagihan projek di bawah Rancangan Ekonomi Wilayah Timur (ECER) kerana ia dibahagikan secara adil kepada setiap negeri.

Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Idris Jusoh berkata sememangnya wujud perasaan tidak puas hati di kalangan sesetengah pihak yang mendakwa pem-

bangunan yang diagihkan tidak sekata.

"Perasaan seperti itu tidak seharusnya timbul kerana pembangunan yang diagihkan adalah adil dan sekata," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian (ECER) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini, semalam.

Idris berkata perasaan tidak puashati itu timbul apabila rakyat mempertikaikan sesuatu projek

yang dijalankan di sebuah negeri.

"Contohnya jika dinilai dari segi sektor perikanan, rasanya Terengganu paling banyak pantai dan ramai nelayan, bagaimana pun jeti pendaratan ikan dibina di Tok Bali, Kelantan," katanya.

Beliau berkata perkara seperti itu perlu dilihat dari konteks wilayah bukan kepentingan sesebuah negeri sahaja selaras dengan apa yang dirancang

oleh ECER.

"Apa yang penting sekarang ialah rakyat perlu merebut peluang yang disediakan oleh kerajaan melalui ECER bagi meningkatkan taraf hidup," katanya.

Idris berkata rakyat juga perlu bersama-sama dalam menjayakan ECER supaya apa yang dirancang menjadi kenyataan sekaligus menguntungkan semua pihak.

BERNAMA